

Hong Kong larang import makanan laut dari Jepun

HA 14/07/23 MS 28

Hong Kong: Hong Kong memberi amaran pada Rabu bahawa negara itu akan mengharamkan import makanan dari 10 wilayah di Jepun jika negara itu melepaskan air sisa radioaktif yang dirawat dari loji kuasa nuklear Fukushima ke laut.

Setiausaha Alam Sekitar

dan Ekologi Tse Chin-wan berkata, 10 wilayah itu ialah Tokyo, Fukushima, Chiba, Tochigi, Ibaraki, Gunma, Miyagi, Niigata, Nagano dan Saitama, lapor Agensi Anadolu memetik laporan Hong Kong Free Press.

Sejumlah kira-kira 1.33 juta meter padu air, air ba-

wah tanah dan air hujan yang digunakan untuk penyejukan, terkumpul di loji Fukushima yang lumpuh itu.

Kemalangan nuklear besar berlaku pada Mac 2011 apabila tsunami yang dicituskan oleh gempa bumi melumpuhkan kuasa dan

sistem penyejukan untuk tiga reaktor di Loji Kuasa Nuklear Fukushima Daiichi.

Tse menekankan bahawa untuk mengawal aktiviti alam sekitar yang berpotensi berbahaya, larangan akan dilaksanakan ke atas semua import makanan laut (beku,

sejuk, kering), produk rumpai laut yang diproses dan tidak diproses serta garam laut.

Beliau berkata, larangan terhadap hasil segar dan susu dari Fukushima dan negeri jiran Chiba, Ibaraki, Tochigi dan Gunma, kekal, berkuat kuasa selepas bencana

pada Mac 2011.

Sementara itu, dalam pertemuan dengan pegawai kerajaan Hong Kong, Kementerian Luar Jepun meminta Hong Kong tidak melaksanakan peraturan lebih ketat ke atas import makanan dari Jepun, lapor Agensi Anadolu.